

ZIKIR YANG MUJARAB

AMALAN SEMASA SAKIT

Amalan 1 - ISTIGHFAR

1. Merasa menyesal dengan segala perbuatan mungkar yang telah membawa segala bencana.
2. Mengamalkan Zikir ini dan membacanya sebanyak mungkin dengan menyesali segala perbuatan dosa:

.... لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

.... SebahagianSurah Al Anbiya ayat 87

MAKSUDNYA:

“Tiada Tuhan yang layak diabdikan diri melainkan-Mu. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku tergolong dikalangan orang-orang yang zalim.

3. Baca “Ya Allah ampunkan dosa-dosa ku”

Amalan 2

Amalan lain ialah dengan sentiasa membaca Selawat-selawat di bawah dengan khusyuk dan dalam kiraan sebanyak mungkin.

1. Selawat Penyembuhan (Selawat Syifa)

Maksud:

Ya Allah, Berilah rahmat ke atas penghulu kami, Muhammbad SAW yang menyembuhkan hati hati, penawarnya dan kesejahteraan badan, kesembuhan, juga cahaya penglihatan dan berilah rahmat keberkatan dan kesejahteraan atas keluarga dan sahabatnya.

ZIKIR YANG MUJARAB

AMALAN SEMASA SAKIT

2. Selawat Merungkai (Tafrijiyyah)

Maksud:

Ya Allah anugerahkan rahmat dan kesejahteraan yang sempurna ke atas peghulu kami Nabi Muhammad SAW yang dengan berkatnya terhurai apa yang tersimpul, terlepas dari segala kesusahan juga ditunaikan segala hajat dan tercapai segala keinginan, dan akhir hayat yang baik, dan dicurahkan rahmat, hasil keberkatan wajahnya yang mulia, kerahmatan dan kerahmatan yang sempurna. Engkau anugerahkan juga YA Allah, ke atas keluarga dan sahabatnya dengan kiraan setiap kerdipan mata, juga hembusan nafas dan setiap bilangan ilmu yang ada bagi Mu.

Amalan 3

Contoh dari amalan membaca rangkaian surah surah khusus melibatkan amalan untuk menguatkan ruh jiwa ruhani serta mengubati penyakit dan masalah yang dihadapi.

1. Baca Niat

Niatnya ialah *“Ya Allah Ya Tuhanku aku nak beramal dengan Selawat Nabi SAW, Surah Al Fatimah, Ayat Kursi, Surah Al Ikhlas, Surah Al Falaq dan Surah An Nas sebanyak 7 kali setiap satu daripadanya selepas sembahyang 5 waktu selama seminggu untuk dihayati sebagai.”*

- a. Ibadah mendekatkan diriku pada Engkau Ya Allah
- b. Mendekatkan diri aku kepada hikmat dan kelebihan ayat ayat tersebut
- c. Menguatkan ruh jiwa ruhani aku
- d. Mempertahan diri aku dari sebarang bisikan, gangguan, godaan sama ada dari jin, syaitan, iblis, sihir, saka, perbuatan jahat manusia (ilmu hitam) dan seumpamanya
- e. Mengubati penyakit yang aku alami serta penyakit keluargaku (anak, suami, isteri)
- f. Menambahkan rezeki, meninggikan kasih sayang keluarga dan suami isteri
- g. *Boleh dimuatkan apa sahaja yang kita hajatkan yang tidak bercanggah dengan syariah Agama*
- h. Amin – yarabul alamin.

Setelah itu baca:

ZIKIR YANG MUJARAB

AMALAN SEMASA SAKIT

- Selawat (7 kali)
- Surah al-Fatihah (7 kali)
- Ayat al-Kursi (7 kali)
- Surah an-Nas (7 kali)
- Surah al-Falaq (7 kali)
- Surah al-Ikhlâs (7 kali)